

## PENGARUH ISLAM TERHADAP CITRA KHAMAR DALAM MASYARAKAT MELAYU: SUATU PERSPEKTIF DAKWAH

ISLAMIC INFLUENCE TOWARDS KHAMR NARRATIVE IN MALAY  
SOCIETY: A DA'WAH PERSPECTIVE

\*<sup>i</sup>Nik Suhaida Nik Abdul Majid

<sup>i</sup>Program Da'wah dan Pengurusan Islam, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan Islam,  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri  
Sembilan, Malaysia

\*Corresponding Author: email: [nik\\_suhaida@usim.edu.my](mailto:nik_suhaida@usim.edu.my)

### ABSTRAK

Khamar adalah sebahagian daripada barang berharga dan minuman istimewa yang mempunyai nilai tersendiri dalam masyarakat Melayu pada zaman pra- Islam. Setelah Islam tersebar ke alam Melayu, masyarakat Melayu menjadi penganut agama Islam secara besar-besaran lalu menjadikan Islam bertapak kukuh di dalam budaya mereka. Ajaran Islam melarang umatnya meminum khamar dan segala aktiviti yang berkaitan dengannya. Maka, perbuatan meminum khamar secara khusus dilihat sebagai penyelewengan sosial dalam masyarakat Melayu. Penjajahan pihak Barat ke atas Tanah Melayu tidak mengubah pendirian kepercayaan mereka terhadap agama Islam. Namun, gaya hidup dan budaya minum khamar telah mempunyai status tersendiri, terutamanya kepada kelas atasan Melayu sehingga gelombang islamisasi di dalam pentadbiran memberikan impak signifikan dalam isu khamar ini. Analisis dari kaedah kajian kepustakaan dan data sokongan daripada temu bual ini menyimpulkan bahawa kehadiran Islam telah merubah landskap citra khamar dalam masyarakat Melayu. Ini sekali gus menzahirkan gerakan dakwah islamiah dalam memaknai erti *nahy 'an al- munkar* daripada para *du'ūt* yang berjasa dalam lipatan sejarah ketamadunan umat Islam Melayu.

**Kata kunci:** Khamar, arak, da'wah nahy 'an al- munkar, dakwah mencegah kemungkaran, ketamadunan umat islam melayu

## ABSTRACT

*Khamr was part of the precious goods and special drinks that had value during the time of pre-Islamic Malay. After Islam spread widely to the Malay world, the Malays massively became Muslims, and Islam had a strong foothold in their culture. Islamic teachings forbid the act of drinking khamr and all activities related to it. Thus, drinking khamr is seen explicitly as social deviance in Malay society. However, colonisation from the west in the Malay world did not change their belief in Islam, but the lifestyle and culture of drinking khamr had its own status, especially for the upper-class Malays until the wave of Islamisation in the government, had a significant impact on this issue of khamr. Therefore, the analysis from the library study approach and supported data from interviews that are employed in this study concludes that the presence of Islam has changed the landscape of the khamr narrative in Malay society, which manifests the Islamic da'wah movement in interpreting the meaning of nahyu 'an al- munkar by the meritorious du'āt in history of the Malay Muslims ummah civilisation.*

**Keywords:** *Khamr, arak, da'wah nahy 'an al- munkar, da'wah forbidding wrong, malay muslim civilisation*

## PENGENALAN

Kajian-kajian lepas berkaitan Melayu dan *khamar* kurang mendapat perhatian dan tidak begitu ditonjolkan dalam mana-mana topik khusus, melainkan maklumatnya perlu dikumpul daripada pelbagai sumber yang sangat terhad, sedangkan isu tersebut adalah realiti dalam masyarakat Melayu dahulu dan kini. Maka, penulisan ini mengambil tanggungjawab untuk menjadikan ia sebagai satu tajuk khusus bagi memberikan gambaran dan kefahaman tentang kedudukan *khamar* dalam budaya masyarakat Melayu serta signifikan kehadiran Islam dalam mempengaruhi orang Melayu terhadap kepercayaan dan amalan berkaitan dengan *khamar*, seterusnya usaha dakwah dalam isu *khamar* selepas pengaruh budaya penjajah Barat meresap ke dalam pentadbiran kerajaan. Kajian ini bertujuan menganalisis pengaruh Islam dalam citra *khamar* terhadap masyarakat Melayu daripada perspektif dakwah. Hasil penulisan ini diharap dapat membantu pengkaji lain yang ingin mendalamai latar belakang sosial peminum khamar secara khusus dalam kalangan masyarakat Melayu sebagai usaha memahami latar belakang *mad'u* dakwah.

## METODOLOGI KAJIAN

Data utama dalam kajian ini diperolehi daripada penulisan yang merekodkan gaya hidup masyarakat Melayu yang bersangkutan dengan *khamar*, iaitu daripada manuskrip Melayu, penulisan ilmiah, kamus, majalah, video, filem serta akhbar. Data sokongan pula diperolehi daripada temu bual dengan individu yang memiliki ciri-ciri khusus yang dipilih sebagai sampel, bertujuan khusus mendapatkan data budaya *khamar* dalam pentadbiran Tanah Melayu, kemudiannya dikenali sebagai Malaysia, serta gerakan dakwah menentang penggunaan arak dalam kerajaan. Tema-tema yang terbentuk hasil daripada analisis menonjolkan fasa-fasa perubahan citra *khamar* dalam hidup masyarakat Melayu setelah menerima pengaruh Islam yang menzahirkan usaha dakwah yang telah berlaku.

Istilah *khamar* dipromosikan dalam kajian ini bagi menonjolkan elemen Islam dalam budaya Melayu. *Khamar* adalah istilah bahasa Arab dengan ejaan transliterasi sebagai ‘*khamr*’. Perkataan *khamr* ini dirakamkan di dalam al- Quran, yang menunjukkan bukti jelas mengenai pengharaman penggunaanya (Surah Al-Māidah, 5: 90-91). Segala sumber dan bahan yang membawa kemudarat kepada tubuh badan manusia seperti dadah dan rokok, juga dirujuk kepada sumber pengharaman *khamar*.

Bahasa Arab adalah bahasa yang digunakan di dalam al-Quran, iaitu sumber rujukan utama agama Islam. Istilah *khamr* ini telah dipinjamkan ke dalam bahasa Melayu dengan ejaan ‘*khamar*’. Ia didefinisikan secara literal sebagai “air minuman keras yang diperbuat daripada anggur” (Kamus Dewan (ed.), 2010). Perkataan ‘minuman keras’ didefinisikan sebagai “barang cair yang boleh diminum yang boleh memabukkan” (Kamus Dewan (ed.), 2010). Peminjaman bahasa ini secara tidak langsung menunjukkan pengaruh dalam sosio budaya masyarakat Melayu terhadap Islam.

## **Khamar Dalam Budaya Masyarakat Melayu Pra-Islam**

Istilah klasik yang digunakan bagi maksud khamar adalah ‘tuak’ (Wilkinson, R. J. (ed.), 1901); dalam bahasa orang Bugis istilah ‘balō’ juga bermaksud tuak (Hamka, 1982). Bahasa Jawa klasik menamakan tuak dengan beberapa panggilan seperti buḍur, sajən, tvak and varagan. Manakala, khamar yang diperbuat daripada bahan seperti beras, millet dan bir dipanggil brəm dan brəm jagūn. Khamar daripada sumber buah-buahan pula dikenali sebagai cińca, dan yang diperbuat daripada sugar cane dipanggil kilañ. Bahasa Jawa kuno menamakan khamar yang mempunyai kadar alkohol yang lebih tinggi (liquor) dengan nama madya, māstava, sīdhu dan surā, iaitu bahasa yang dipinjam daripada bahasa Sanskrit (Jākl, J., 2017).

Di dalam manuskrip “Sejarah Melayu”, selain dicatatkan istilah ‘tuak’, juga disebut istilah ‘arak’ (tuak arak) seperti di dalam “Hikayat Merong Mahawangsa”, “Hikayat Hang Tuah”, “Sulalatus Salatin” dan “Hikayat Raja Pasai”. Perkataan ‘arak’ juga berasal dari bahasa Arab (‘a – ra – qa) iaitu dalam bentuk perkataan ‘irqu bermaksud jumlah kecil dari khamar (Ibn Manzur (ed.), 2003). Penggunaan istilah arak lebih lazim digunakan dalam bahasa harian masyarakat Melayu. Istilah lain yang boleh dimaksudkan dengan definisi khamar dalam konteks orang Melayu ialah ‘air tapai’ (terhasil daripada tapai) atau ‘beram’ iaitu antara sumber dalam penghasilan khamar (Dusuki, A. (ed.), 2012). Selain itu, khamar juga dikenali sebagai alkohol (alcohol), juga dipanggil mengikut jenis khamar itu seperti bir (beer) atau merujuk terus kepada jenama khamar yang ada dalam pasaran. Pada era penjajahan British, wujud beberapa panggilan bagi khamar seperti bir putih, bir hitam, anggur ubat, arak samsu, arak ubat, sagur, arak manis, pahit dan merah, jenner, bulas, halast, whiskey, brandy dan nikkip (M.H. Ali Surjani, 1954).

Khamar membawa pengertian yang pelbagai serta mempunyai nilai tersendiri dalam masyarakat Melayu pada suatu ketika dahulu. Di dalam “Hikayat Raja Pasai” (Russell Jones, 1999) ada mencatatkan perkataan ‘arak api’ yang merujuk kepada nama seekor gajah. Gajah merupakan simbol keunggulan bagi sebuah kerajaan dan negara. Maka, dengan menamakan gajah tersebut dengan nama ‘arak api’ menunjukkan bahawa khamar mempunyai nilai yang tinggi.

## **Kewujudan Khamar di Tanah Melayu**

Sukar untuk dinyatakan satu waktu dan tempat yang tepat bagi rekod kewujudan khamar di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, orang Melayu mendapatkan bekalan khamar melalui penghasilan secara domestik dan juga import. Penghasilan khamar secara domestik telah direkodkan berpusat di Palembang, Jawa dan Borneo – tempat-tempat ini menjadi pengeluar utama dan pembekal khamar kepada seluruh Tanah Melayu melalui pelabuhan Melaka.

Khamar yang dihasilkan di Tanah Melayu digemari oleh pedagang dari Liu Kiu pada abad ke-14 (Ahmad Jelani, H., 1999). Di dalam “Hikayat Raja Pasai” (Russell Jones, 1999)

ada menyatakan, terdapat maklumat bahawa Pulau Perca di Sumatra, Indonesia menghasilkan beram tapai dalam skala yang besar kerana di dalam penulisan tersebut dicatatkan penggunaan perkataan ‘kilang’ yang merujuk kepada besar dan banyak. Penghasilan tuak di Tanah Melayu berkait rapat dengan mereka yang tinggal di kawasan hutan paya bakau yang dikelilingi dengan pokok nipah (Andaya, B. W. & Andaya, L. Y., 2017). Masyarakat yang tinggal di Pulau Karimata (antara Sumatera dan Borneo) telah menghasilkan khamar daripada tebu (Alijah Gordon, 2001). Manakala, tuak yang dihasilkan oleh orang Melayu berkemungkinan berkaitan dengan faktor kawasan tempat tinggal mereka yang dikelilingi dengan pokok kelapa (Milner, A., 2011).

Khamar yang dibawa oleh pedagang dari sebelah Barat adalah daripada pedagang Parsi (Ahmad Dahlani, 2017). Pengimportan khamar daripada pedagang Barat ke Nusantara bermula sejak abad pertama lagi, kerana pada ketika itu sudah wujud hubungan perdagangan antara Timur dan Barat. Ini dibuktikan dengan penemuan tapak Arikamedu. Bukan sekadar khamar, bahkan, bekas kaca bagi mengisi khamar seperti cawan, botol dan flask yang diimport dari negara-negara Asia Selatan, Timur Tengah dan Asia Tengah juga dibekalkan ke Asia Tenggara seperti Jawa (Ahmad Jelani, 1999). Negara Mongol telah memperkenalkan teknik penyulingan khamar kepada Jawa pada tahun 1992, yang dinamakan sebagai gaya ‘araqi’ (araqi-styled) yang diajarkan melalui para tentera (Jákl, 2017).

## **Fungsi Khamar dalam Masyarakat Melayu Pra-Islam**

### **1. Sebagai Ubat dan Sumber Tenaga**

Di Jawa, tuak merupakan minuman kebiasaan dalam masyarakat pra-Islam kerana dipercayai bahawa kadar kandungan alkohol yang sedikit di dalam tuak mampu meningkatkan kekuatan (Jákl, 2017). Selain itu, di dalam catatan “Hikayat Merong Mahawangsa” (Siti Hawa, H. S., 1998), Raja Phra Ong Mahawangsa disifatkan sebagai pencinta khamar kerana dia percaya bahawa khamar melindungi tubuhnya daripada penyakit. Koleksi khamarnya dinamakan arak api dan arak nasi yang disimpan di dalam pelbagai balang. Dia menggunakan cawan kaca yang khusus berbentuk trofi minuman. Dia mengamalkan minum khamar setiap hari pada waktu pagi seusai bangun tidur sebelum mencuci muka dan memakan sirih; dia tidak minum semasa makan malam, sebaliknya memilih untuk minum bersama menteri-menterinya ketika bersosial.

Hikayat Hang Tuah (Kassim Ahmad, 1975) juga merekodkan bahawa Seri Betara cakna apabila dilihatnya Hang Tuah seperti tidak sihat dan pucat, lalu dia mengarahkan Patih Gajah Mada menghidangkan empat cawan khamar kepada Hang Tuah untuk mengembalikan tenaga dan kesihatan Hang Tuah. Dalam sebuah edisi majalah “Pengasuh” versi tulisan jawi, terdapat satu senario tentang orang Melayu pada zaman itu – kebanyakan orang Melayu tidak mengenali khamar dengan jelas, sehingga mereka menyangka bahawa khamar itu minuman ubat (M.H. Ali Surjani, 1954).

## **2. Sebagai Tanda Bersenang-senang, Kebersamaan, Penghormatan dan Penghargaan**

Masyarakat Jawa pra-Islam menganggap meminum khamar sebagai simbol timbal balik, perkongsian dan kepercayaan di antara mereka (Jäkl, 2017). “Hikayat Raja Pasai” (Russell Jones, 1999) telah menggambarkan strategi Patih Suatang dari Pulau Perca yang muhun membunuh utusan dari Majapahit dengan melayani mereka dan menghidangkan beram tapai semasa upacara menghiburkan utusan. Minum khamar juga adalah sebagai tanda persetujuan setelah pertempuran kerbau; para tetamu disuapkan minuman oleh para pelayan sebagai tradisi mereka melayani tetamu kehormat.

Terdapat juga banyak kisah dalam “Hikayat Hang Tuah” (Kassim Ahmad, 1975) yang menggambarkan pelbagai aktiviti semasa meminum khamar seperti berbual, menari, bermain muzik – kesemuanya menunjukkan keseronokan menikmati pesta dengan minum ini sehingga mabuk. Sebagai contoh, kisah Sultan Syah Alam menghiburkan Patih Kerma Wijaya dari Tanah Jawa ke Bentan untuk menjadi hamba kepada Sultan Syah Alam di mana dia diraikan dengan pesta besar yang dihidangkan khamar. Upacara itu diatur untuk menyambut Ratu Melayu (Raden Wira Nantaja) kembali ke kerajaan mereka. Raja Melaka mengadakan pesta malam, dan para tetamu di pesta itu bermabuk-mabuk sehingga ada di antara mereka yang tidak pulang ke rumah masing-masing.

Begini juga di dalam “Sulalatus Salatin” (Ahmat Adam, 2016), ada dicatatkan bahawa Tun Perpatih Pandak, Benderang dan pengawal mereka dihiburkan dengan makanan dan minuman. Di pesta itu, Badang ingin menguji kekuatan Benderang kerana kedua-duanya diminta untuk saling beradu tenaga dalam keadaan mabuk. Hingga kini, amalan minum tuak dalam sebahagian besar masyarakat Kabupaten Toraja Utara dianggap sebagai upacara tradisional bagi memperkuatkan perpaduan mereka, selain menghiburkan tetamu sebagai simbol status sosial mereka (Shanti Riskiyani, Miftahul Jannah, & Arsyad Rahman, 2015).

## **3. Sebagai Senjata yang Melemahkan Musuh**

Terdapat banyak kisah yang dicatatkan di dalam “Hikayat Hang Tuah” (Kassim Ahmad, 1975) yang menggambarkan khamar sebagai minuman yang dijadikan sebagai senjata sebelum memulakan pergaduhan. Para askar yang tidak dapat menangani kesan mabuk khamar akan dikalahkan dalam pertempuran. Khamar juga adalah sebagai penggalak untuk amuk melalui kisah kumpulan pejuang yang diupah oleh Patih Gajah Mada untuk membunuh Hang Tuah; para pejuang itu sengaja muhun mabuk sebelum memulakan amuk di pasar, justeru menjadikan pembunuhan secara rawak sebagai isyarat untuk menarik perhatian Hang Tuah. Alijah Gordon (Alijah Gordon, 2001) juga menyatakan bahawa para askar membuat persiapan dengan mengambil candu dan meminum khamar sebelum pergi berperang.

## **4. Sebagai Amalan Ritual Kepercayaan**

Masyarakat Jawa pra-Islam menjadikan khamar sebagai air suci dalam upacara penyucian mereka. Keadaan mabuk selepas minum khamar adalah simbol kepada proses transformasi

rohani (Jäkl (2017). Di dalam “Sulalatus Salatin” ada menggambarkan bahawa amalan meminum khamar merupakan sebahagian daripada tradisi persantapan istana sama ada yang melibatkan raja-raja atau sultan, mahupun dalam kalangan pembesar-pembesar (Ahmat Adam, 2016).

## Pandangan Islam Mengenai Khamar

Menurut majoriti ulama, definisi khamr tidak terbatas kepada maksud minuman yang diperbuat daripada perahan anggur sahaja, bahkan, ia meliputi apa sahaja bahan yang diperbuat untuk dijadikan minuman yang mampu membuatkan peminumnya merasa mabuk, maka itu adalah khamr dan hukumnya adalah haram (Al-Qaradawi, Y., 2007). Ini adalah berdasarkan matan hadis yang bermaksud, “setiap yang memabukkan adalah arak, dan setiap arak adalah haram” (Ibn Mājah, Abi ‘Abdillah Muhammad bin Yazid Al-Qazwini, 2008).

Pengharaman ini berpandukan kepada penurunan firman Allah SWT secara berperingkat-peringkat mengenai khamar, bermula dengan turunnya surah Al-Nahl ayat 67, yang menerangkan bahawa daripada sumber (tamar dan anggur) manusia boleh menjadikannya minuman dan makanan, sama ada halal atau haram. Kemudian diikuti dengan surah Al-Baqarah ayat 219 yang menjelaskan bahawa arak dan judi merupakan dosa besar, dan mudaratnya lebih besar daripada manfaatnya. Manakala, penurunan ayat 43 dari surah Al-Nisa’ merupakan tegahan mendirikan solat sekiranya seseorang itu dalam keadaan mabuk. Peringkat terakhir adalah pengharaman khamar secara total melalui surah Al-Maidah ayat 90 hingga 91.

Islam secara jelas menerangkan bahawa sebarang perbuatan yang bersangkutan dengan khamar adalah haram kepada orang Islam daripada segenap aspek sebagaimana yang dijelaskan oleh Rasulullah SAW di dalam sebuah hadis:

لَعْنَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْحُمْرِ عَشَرَةً: عَاصِرَهَا، وَمُعْتَصِرَهَا، وَشَارِهَا، وَحَامِلَهَا،  
وَالْمُحْمُولَةُ إِلَيْهِ، وَسَاقِهَا، وَبَاعَهَا، وَأَكَلَ ثَمَنَهَا، وَالْمُشْتَرِأُ لَهُ.

Maksudnya: Rasulullah SAW melaknat dalam isu arak ini 10 golongan: “Pemerah (anggur untuk arak), orang yang minta diperahkan, peminumnya, pembawanya, orang yang meminta bawa kepadanya, orang yang menuangkan arak, penjualnya, orang yang makan hasil jualannya, orang yang membelinya dan orang yang meminta dibelikan untuknya.”

(HR Imam al-Tirmidzi (1295) dalam Sunan)

Selain itu di dalam Islam, khamar juga digelar sebagai ibu segala kemaksiatan, iaitu punca kepada segala keburukan. Maka, dengan sebab yang demikian khamar sangat ditegah dan dilarang buat orang Islam. Perkembangan zaman dan teknologi telah mencanggihkan lagi

pembuatan khamar dan akhirnya, namanya bertukar sehingga boleh mengelirukan masyarakat. Seperti sabda Nabi SAW:

لَا تَذَهَّبُ إِلَيَّ الْيَالِيَّ وَاللَّأَيَّامُ ، حَتَّى تَشْرَبَ فِيهَا طَائِفَةً مِنْ أَمْبَيِ الْحَمَرِ ، يُسْمُوْهَا بِغَيْرِ اسْبِهَا .

Maksudnya: “Tidak akan berlalu pergi malam dan siang sehingga satu golongan daripada umatku minum khamar dan mereka menamakan khamar arak dengan nama yang lain.”

(HR Ibn Majah (3384)

Walau bagaimana sekalipun nama khamar itu ditukar dengan sebarang panggilan, selagi ia minuman yang memabukkan dan diproses dengan tujuan *khamar*, maka hukumnya tetap haram. Pengharaman arak ini adalah kerana ia merupakan perosak masyarakat sejak zaman-berzaman, yang mengakibatkan kehilangan nyawa dan menjadi antara punca kepada masalah kesihatan dan sosial. Kemudaratan *khamar* bukan sahaja kepada diri, akal dan tubuh seseorang, bahkan, melibatkan agamanya, keluarganya serta keseluruhan masyarakat (Al-Qardawi, 2007). Pengharaman *khamar* juga adalah bertepatan dengan kesemua *maqasid syariah*.

### **Perubahan Budaya Khamar Setelah Kedatangan Islam ke Alam Melayu**

Walaupun pada awalnya, masyarakat Melayu sangat dekat dan banyak dipengaruhi oleh elemen ajaran Buddha dan Hindu yang tersebar melalui hubungan perdagangan dan kebudayaan, kedatangan Islam telah menyebabkan perubahan drastik dalam kehidupan masyarakat Melayu. Semenjak awal abad ke-16, pemahaman bahawa “Melayu adalah Islam dan Islam adalah Melayu” telah tertanam kukuh dalam kalangan masyarakat Melayu yang merupakan imej yang mengangkat ketamadunan alam Melayu itu sendiri (Andaya & Andaya, 2017).

Kedatangan Islam telah membawa perubahan ketara kepada gaya hidup orang Melayu sehinggakan meminum *khamar* dianggap sebagai tingkah laku yang menyimpang bukan sahaja daripada sudut ajaran Islam, malah juga menyimpang daripada norma-norma orang Melayu (Alijah Gordon, 2001). Ajaran Islam telah meresap menjadi norma kepada nilai kehidupan masyarakat Melayu. Perubahan gaya hidup ini turut melibatkan diet harian. Larangan meminum *khamar* dan memakan daging babi diserap secara bertahap-tahap selama lebih daripada lima atau enam abad. Namun, walaupun setelah kedatangan Islam di Melaka pada abad ke-15 (1400), *khamar* masih terdapat dalam pasaran dan masih lagi dihidangkan (Milner, 2011). Sekiranya peminum *khamar* itu adalah daripada kalangan keluarga ahli politik, orang Melayu memandang mereka sebagai orang Melayu yang tidak bermoral dengan tingkah laku yang tidak islamik. Sebuah puisi pada festival tahun baru dalam catatan Alijah Gordon menunjukkan kritikan tersebut dan melabelkan mereka sebagai Muslim yang tidak bertanggungjawab, mengambil kesempatan dengan memakan babi dan minum *khamar*

(Alijah Gordon, 2001).

Di dalam “Hikayat Merong Mahawangsa” (Siti Hawa, 1998) turut digambarkan perubahan setelah Raja Phra Ong Mahawangsa menjadi Muslim hasil dakwah oleh Syeikh Abdullah Yamani. Beliau memerintahkan agar segala tempayan yang mengandungi *khamar* dimusnahkan dan dibuang walaupun sebelumnya beliau mengamalkan meminum *khamar* pada setiap awal pagi.

### **Dakwah Mencegah Khamar Melalui Undang-undang**

Ketika Islam sudah menjadi anutan masyarakat Melayu, mereka secara rasmi dilarang meminum *khamar* mengikut undang-undang formal sejak pelaksanaan Undang-Undang Melaka (Risalah Hukum Kanun Melaka) seawal 1424 Masihi, iaitu setelah Islam tiba di Kepulauan (Nusantara). Terdapat unsur-unsur hukum Islam di dalam Undang-Undang Melaka yang menjadi rujukan kepada undang- undang negeri lain seperti Undang-Undang Kedah, Undang-Undang Pahang, Undang-Undang Patani, Undang-Undang Johor dan Hukum Kanun Brunei (Liaw Yock Fang, 2016). Walaupun Undang-Undang Melaka tidak diketahui secara jelas siapakah penulisnya, akan tetapi undang-undang tersebut ditulis sewaktu pemerintahan Sultan Mahmud Syah (1488-1511). Namun, ia terlebih dahulu telah diusahakan sejak dari pemerintahan Sultan Muzaffar Syah (1446- 1456M). Sultan-sultan Melaka mempunyai penasihat daripada kalangan para ulama yang bertaraf menteri pada ketika itu, antaranya, Makhdum Syed Abdul Aziz, Maulana Abu Bakar dan Makhdum Sadar Jahan, yang berkemungkinan besar terlibat secara tidak langsung dalam penggubalan undang-undang jenayah syariah dalam Undang-Undang Melaka.

Bahagian kedua Undang-Undang Melaka adalah berkaitan dengan hukum Islam; salah satunya berkaitan hukum hudud dan minum tuak arak, dimasukkan di dalam bahagian tersebut, serta hukuman kepada peminum iaitu akan dipalu sebanyak 20 kali (Liaw Yock Fang, 2016). Fasal 47 dalam Undang-Undang Melaka adalah mengenai had minum tuak arak. Istilah ‘tuak arak’ adalah merujuk kepada *khamar*, dan makna ini juga merangkumi bahan lain yang boleh menyebabkan mabuk dengan meletakkan perkataan ‘barang segala yang mabuk’. Hukuman kepada peminum ialah sebatan yang dibahagikan kepada dua kategori peminum, iaitu dari golongan hamba (abdi) – mereka dikenakan sebatan sebanyak 40 kali sebatan berdasarkan sumpah mereka dan dua orang saksi lelaki. Manakala, bagi rakyat biasa yang “merdehika” (merdeka) pula, mereka dikenakan 20 sebatan.

“Fasal 47 peri had minum tuak arak. Barang siapa minum tuak arak, barang segala yang mabuk; jika ‘abdi empat puluh palu. Jika merdehika dua puluh palu juga. Jika ‘abdi dihadkan dua perkara: suatu dengan ikrar atau dengan dua orang saksi laki-laki. Tiada dengan dihadkan dengan cium bau tuak mulutnya ya’ni tiada dihadkan padanya” (Liaw Yock Fang, 2016).

Undang-Undang Kedah pula, melalui Fasal 26 berkenaan perniagaan jual beli barang

dagangan, turut mencatatkan larangan urusan jual beli barang- barang yang haram, antaranya arak tuak ('Aisyah Kamaruddin, 2017). Undang- Undang Pahang juga ada mencatatkan bahawa larangan menjual dan membeli barang-barang yang dilarang dalam Islam seperti cанду dan arak walaupun menurut Ahmad Jelani, undang-undang ini tidak dilaksanakan dengan ketat (Ahmad Jelani, 1999). Pada tahun 1630, kerajaan Sulawesi Selatan juga telah menerapkan hukum syariah di negara mereka; salah satu penekanannya adalah pada penggunaan khamar (Alijah Gordon, 2001). Pada tahun 1938, menurut Mohammedan Offences Bill, antara kesalahan yang disenaraikan sebagai hukuman yang wajar adalah minum *khamar* secara terbuka iaitu minum arak di khalayak ramai (Abdul Rahman, A., 2016).

Pematuhan kepada ajaran Islam yang mengandungi elemen larangan dan pemantauan menjual dan meminum *khamar* ini menzahirkan usaha dakwah melalui kuasa undang-undang yang dimiliki oleh orang Melayu ketika memerintah Tanah Melayu, diketuai oleh sultan-sultan dan para ulama yang menasihati mereka. Hal ini memperlihatkan peranan para ulama yang membawa ajaran Islam ke alam Melayu untuk tujuan dakwah dan islah, iaitu termasuk menasihati pemerintah sekali gus merubah citra *khamar* pada budaya orang Melayu.

### **Perubahan Budaya Khamar Dalam Kalangan Masyarakat Melayu Setelah Penjajahan Barat**

Penjajahan oleh pihak Barat, iaitu British, ke atas Tanah Melayu telah merubah sebahagian cara hidup orang Melayu berkaitan budaya minum khamar, walaupun orang Melayu secara akidahnya masih berpegang teguh dengan Islam. Khamar juga adalah sebahagian daripada 'warisan sejarah' penjajah di Tanah Melayu yang mempengaruhi sosiobudaya orang Melayu. Khamar pada zaman penjajahan dan awal pasca penjajahan dilihat sebagai minuman yang 'mulia' dalam masyarakat, dan sesiapa yang tidak meminumnya akan dipandang hina daripada perspektif orang Melayu yang terpengaruh dengan ideologi Barat (M.H Ali Surjani, 1954).

Sebilangan pembesar Melayu beranggapan bahawa orang yang bertamadun adalah orang yang boleh menyesuaikan diri dengan undang- undang Inggeris, pemerintahan Inggeris dan gaya hidup Inggeris. Itulah makna tamadun bagi mereka yang menjadikan penjajah sebagai teladan. Budaya Barat menjadi budaya unggul dalam masyarakat Melayu semasa era penjajahan British (Andaya dan Andaya, 2017). Begitu juga golongan elit Melayu yang telah 'dibaratkan' oleh budaya penjajah – minum *khamar* dianggap sebagai bertamadun dan terhormat. Ia adalah aktiviti dan hobi mereka semasa bersosial di kelab malam dan bar. Lebih-lebih lagi, *khamar* diberi 'penghormatan' sebagai minuman istimewa untuk tetamu mereka dalam acara istimewa yang dikenali sebagai 'majlis minum' di mana wain akan dihidangkan secara khusus. (Nordin, S., 1975).

Majlis-majlis makan malam rasmi kerajaan yang melibatkan diplomat asing pasti akan menghidangkan *khamar*, dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan sebahagian besarnya

akan menikmatinya. Begitu juga halnya apabila rombongan kedutaan dari Malaysia ke luar negara – setiap pegawai memang diajarkan etika tersebut bagi menghormati majlis. Jika mereka tidak minum *khamar*, mereka dianggap tidak menghormati majlis. Bagi mereka yang memilih untuk tidak minum, biasanya akan memesan air berbikarbonat seperti Coca-cola untuk menampakkan warna minuman yang tidak jauh beza dengan minuman tetamu jemputan yang lain. Selain itu, majlis perpisahan (farewell party) untuk pegawai yang bertukar dan bersara dalam kementerian, turut menganjurkan jamuan yang menghidangkan *khamar* (Mustafa Ali, 2019).

Sistem Barat amat mempengaruhi nilai dan gaya hidup individu dan kelompok golongan atasan dan pertengahan, khususnya di kawasan bandar. Hidup di kawasan bandar memberi impak kepada gaya hidup kumpulan minoriti Melayu yang tidak mematuhi nilai agama secara tegas. Kumpulan orang Melayu ini diketahui suka minum *khamar* di kedai kopi atau hotel, berjudi di taman hiburan (skala kecil), atau di Genting Highland (skala besar) (Syed Husin Ali, 2008). Seniman agong, Allahyarham P. Ramlee (1940-1970-an) banyak menggambarkan realiti budaya minum *khamar* dalam kalangan orang Melayu melalui filem-filemnya. Kebanyakan adegan minum *khamar* ditunjukkan dalam adegan kelab malam yang diiringi dengan muzik, tarian, merokok dan wanita. Contohnya, dalam filem “Labu Labi” (1962), adegan di mana Labu bermimpi menjadi orang kaya, pergi ke kelab malam, merokok, bercakap bahasa Inggeris atau bahasa Melayu dengan dialek Inggeris dan memesan *khamar*. Ini menunjukkan bahawa budaya British adalah signifikan dengan gaya hidup seperti itu.

Terdapat beberapa kedai Eropah di Semenanjung Tanah Melayu pada zaman penjajahan British yang menjual dan menghidangkan *khamar*. Walaupun kedai tersebut dikhususkan untuk memenuhi keperluan masyarakat Inggeris, sebilangan orang Melayu elit juga turut membeli-belah di kedai tersebut. Kedai-kedai tersebut, contohnya adalah Maynard (1899), John Little, Cold Storages, Robinson dan Whiteaways (Nordin S., 1975).

Di samping itu, pembukaan NAAFI (Navy, Army and Air Force Institute) iaitu pusat kemudahan bagi tentera British di Singapura turut menjual *khamar* kepada anggota tentera, termasuk tentera berbangsa Melayu. Pusat kemudahan NAAFI ditubuhkan oleh Kerajaan British pada tahun 1921; NAAFI Britannia Club di Singapura dibuka pada tahun 1952 untuk Asia Tenggara, dan pada tahun 1961, NAAFI telah dibuka di Melaka. Pusat kemudahan ini merupakan kedai dan pusat rekreasi yang membekalkan barang-barang keperluan anggota tentera dan keluarga mereka, termasuk pelbagai jenis *khamar*, dengan harga yang lebih rendah berbanding harga pasaran luar (British Pathe, 1961).

Meminum *khamar* bukan sahaja melibatkan masyarakat Melayu kelas tinggi, bahkan, sebahagian orang Melayu yang bekerja sebagai kuli ladang turut meminum *khamar* jenis todi untuk melepaskan penat dan sebagai penguat tenaga untuk membantu mereka melakukan kerja berat (Parameswari, A. P. K., 2014). Pentadbiran Eropah telah mengenakan cukai kepada masyarakat Cina di Melaka untuk penjualan *khamar* kerana populasi orang Cina telah meningkat secara besar-besaran pada abad ke-19. Namun, kemudiannya orang Cina telah mengawal pendapatan daripada sumber *khamar* dengan menjalankan sindiket secara besar-besaran ketika Tan Hiok Nee memegang jawatan sebagai Major China of Johore.

Orang Cina waktu itu juga sinonim dengan kegiatan kongsi gelap kerana kebanyakan mereka adalah ahli perniagaan yang kaya dan berjaya; mereka mengawal hasil cukai yang besar termasuk hasil daripada khamar. Mereka juga rapat dengan pihak berkuasa British, maka mereka dapat menjual khamar dengan akses tanpa had (Andaya & Andaya, 2017).

### **Gelombang Islamisasi dan Gerakan Dakwah Menentang Arak Dalam Pentadbiran Kerajaan**

Walaupun Tanah Melayu dijajah oleh pihak British selama ratusan tahun, usaha islamisasi dengan makna dakwah tidak pernah pudar malahan, terus berkembang. Islam diperkasa melalui dasar dan agenda negara. Selama tempoh penjajahan British di Semenanjung Tanah Melayu, undang-undang jenayah Islam diperkenalkan dengan nama Undang-Undang Kesalahan Orang Islam (Muhammedan Offences Law) pada tahun 1937. Namun, dalam tempoh ini, peraturan mengenai minum *khamar* tidak disenaraikan sehingga tahun 1952 ketika semua bahagian undang-undang Islam digabungkan di bawah satu enakmen bermula di Selangor. Selangor telah menyenaraikan minum khamar sebagai salah satu kesalahan jenayah dalam Islam (Hamid Jusoh, 2007). Undang- Undang Kedah turut mencatatkan dan menyenaraikan skop tugas Syahbandar dalam bilangan xiii, iaitu memerhatikan dan menangkap orang yang minum arak tuak.

“xiii – meronda pasar setiap hari dan menangkap orang yang minum minuman keras (arak & tuak)” (Ahmad Jelani, 1999)

Seterusnya, pada tahun 1968-1973 telah ditubuhkan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) di bawah Jabatan Perdana Menteri. Melalui inisiatif ini, beberapa gerakan dakwah di bawah kerajaan dibentuk seperti Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM) dan beberapa pusat latihan dakwah serta institusi pendidikan Islam telah ditubuhkan (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2022). Namun, dalam tempoh tersebut, budaya minum *khamar* dalam majlis rasmi kerajaan masih diteruskan. Kesedaran tentang cara hidup Islam digerakkan oleh para pendakwah yang berjuang melalui beberapa medium seperti Gerakan Kaum Tua, Kaum Muda, Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) – inilah antara gerakan-gerakan awal yang berusaha dalam medan islah dan dakwah (Mohd. Kamal Hassan, 2022).

Era 70-an merupakan era revolusi kebangkitan Islam, khususnya di Iran (1979). Ia telah memberi kesan kepada seluruh dunia, termasuk Malaysia; ia telah menyuntik semangat gerakan Islam di Malaysia. Dalam tempoh ini juga telah menyaksikan pemerintahan kerajaan campuran; ketika itu, Parti Islam Se- Malaysia (PAS) merupakan sebahagian daripada kerajaan Barisan Nasional. Titik-tolak ke arah mengendurkan budaya minum *khamar* dalam majlis rasmi kerajaan berlaku pada sekitar tahun 1974-1975 sewaktu Datuk Asri selaku Yang Dipertua PAS pada ketika itu memaklumkan kepada Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, bahawa PAS tidak boleh menyertai majlis negara yang menghidangkan *khamar*. Tun Abdul

Razak pula berpandangan PAS perlu hadir ke majlis rasmi kerajaan kerana PAS juga adalah sebahagian daripada kerajaan yang memerintah ketika itu. Perdana Menteri ketika itu lalu bersetuju dan mengarahkan agar tidak dihidangkan *khamar* kepada pegawai-pegawai kerajaan Melayu.

Selepas daripada itu, kebanyakkan majlis rasmi kerajaan tidak menghidangkan *khamar* sehinggalah ke hari ini. Cuma mungkin masih ada yang minum secara peribadi di kelab atau rumah sendiri. Jelasnya, orang Melayu yang minum *khamar* ini menyedari bahawa ia merupakan perbuatan yang dilarang dalam Islam, namun tabiat minum *khamar* sudah menjadi budaya bersosial pada waktu itu (Mustafa Ali, 2019). Kewujudan pemimpin yang membawa aspirasi Islam dalam kerajaan telah ‘mengganggu’ budaya (minum *khamar*) yang dianggap sebagai cara bersosial pegawai tinggi kerajaan pada ketika itu. Pemimpin Melayu yang tidak menunjukkan cara hidup seperti Muslim untuk tatapan awam dianggap tidak layak dan tidak sesuai menjadi calon kerana bakal kehilangan undi. Maka, minum *khamar* dalam kalangan pegawai tinggi kerajaan akan berlaku secara tertutup di tempat-tempat seperti kelab khas yang bersifat peribadi (Nordin Selat, 2017).

Penyertaan Anwar Ibrahim dalam kerajaan dengan menyertai UMNO pada tahun 1982 telah merancakkan lagi agenda islamisasi dalam pentadbiran kerajaan kerana fikrah islami yang beliau bawa bersama ABIM. Selain itu, kepulangan pelajar profesional tajaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang mendapat sentuhan fikrah Islam dari luar negara, serta kemasukan lulusan aliran pengajian Islam ke dalam jabatan kerajaan turut membantu ke arah usaha tersebut.

Penubuhan Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS) yang ditubuhkan pada tahun 1984-1986, dan kini dikenali sebagai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), memainkan peranan sebagai agensi kerajaan yang menggubal, menyeragam dan menyelaras undang-undang syarak di peringkat federal, pembangunan pendidikan Islam dan pentadbiran Islam (JAKIM, 2022). Maka, dengan suasana kewujudan pelbagai usaha islamisasi, secara tidak langsung telah menjadikan budaya minum *khamar* makin diketepikan dalam urusan rasmi kerajaan.

Secara legal, di peringkat federal, *khamar* dikawal oleh beberapa agensi kerajaan melalui bidang kuasa masing-masing. Manakala pelaksanaan di peringkat negeri, ia bergantung kepada pendekatan pentadbiran negeri masing-masing. Sebagai contoh, negeri Kelantan adalah negeri yang secara jelas menzahirkan pemerkasaan kawalan penjualan arak sejak tahun 1973 susulan wawasan mereka ingin mentadbir secara Islam melalui gagasan ‘Membangun Bersama Islam’. Pemerkasaan kawalan penjualan *khamar* ini dapat dilihat dari sudut pemberian kuota lesen yang dihadkan. Selain itu, garis panduan yang dikenakan kepada pemilik premis yang menghidangkan *khamar* juga diperinci. Antaranya, tidak dibenarkan dijual secara terbuka termasuk di pasar raya, hotel dan kedai 24 jam 7Eleven; tatacara minum di tempat awam (tempat khas dan tertutup), etika pakaian, kedudukan dan persekitaran kedai yang mengambil kira sensitiviti orang Islam, waktu operasi dan paparan tanda larangan untuk orang Islam (Nik Suhaida, 2014).

Jabatan Agama Islam Negeri melalui dasar yang diperuntukkan oleh Majlis Agama Islam Negeri dengan nasihat mufti di bawah kuasa Sultan bagi setiap negeri juga telah memperuntukkan undang-undang kesalahan jenayah syariah dalam kes minum *khamar*. Orang Islam yang didapati membuat kesalahan meminum *khamar* dan ditangkap, akan dikendalikan di bawah kuasa mahkamah syariah negeri. Sehingga kini, usaha pencegahan *khamar* berterusan diangkat oleh agensi Islam kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) dakwah di Malaysia, walaupun berdepan dengan cabaran dari aspek undang-undang apabila melibatkan kawalan penjualan.

## KESIMPULAN

Kedatangan Islam dalam masyarakat Melayu telah memberikan impak signifikan yang mempengaruhi keseluruhan cara hidup mereka, termasuklah amalan meminum *khamar*. Walaupun asalnya *khamar* merupakan sebahagian tradisi masyarakat Melayu pra-Islam, kedatangan Islam telah merubah masyarakat ini sehingga menjadikan amalan minum *khamar* ditolak secara total selari dengan kepatuhan kepada ajaran Islam yang mengharamkan *khamar*. Pengaruh Islam yang kuat dalam jati diri masyarakat Melayu mengukuhkan akidah bahawa *khamar* itu haram. Malangnya, budaya minum *khamar* subur kembali dalam konteks moden dan menjadi sebahagian amalan dalam majlis rasmi kerajaan. Walau bagaimanapun, fasa islamisasi yang berlaku pada era sebelum, semasa dan selepas penjajahan British di Tanah Melayu telah menzahirkan usaha dakwah dalam konteks mencegah kemungkaran. Maka, dapat disimpulkan bahawa dakwah menentang budaya meminum *khamar* berlaku secara kolektif, dan undang-undang merupakan wasilah utama yang digunakan kerana ia selaras dengan agama Islam yang diangkat dalam Perlembagaan. Begitulah fasa-fasa yang dilalui dalam kehidupan masyarakat Melayu yang disokong dengan ajaran Islam sebagai asas dan cara hidup yang memberi kesan kepada naratif amalan minum *khamar*. Kerana Islam, ketamadunan masyarakat Melayu mampu diangkat dengan begitu menyerlah hinggakan dua entiti Melayu dan Islam tidak dapat dipisahkan. Sumbangan besar yang dimainkan oleh para pendakwah melalui pelbagai gerakan ‘mengislamkan’ Tanah Melayu-Malaysia merupakan jasa dan usaha meneruskan legasi serta amanah yang ditinggalkan oleh Rasul.

## RUJUKAN

Al-Quran

‘Aisyah Kamaruddin. 2017. *Undang-undang kedah versi ku din ku meh (1983):satu pengenalan awal dalam konteks pensejarahan kedah abad ke- 19*.Paper presented at the Persidangan Nasional Sejarahdan Sejarawan Malaysia 2017: Memperkasa Sejarah Nasional Dalam Melestarikan Pembangunan Negara.

Abdul Rahman, A. 2016. *Gerakan penjajahan & anti penjajahan tanah melayu 1511-1957* (R. Rais Ed.). Shah Alam: Karya Bestari.

Ahmad Dahlan. 2017. *Sejarah melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Jelani, H. 1999. Perdagangan dan perkapalan melayu di selat melaka dari abad ke-15 hingga ke abad ke-18. (Doctor ofPhilosophy),University of Malaya: Kuala Lumpur.

Ahmat Adam. 2016. *Sulalatus salatin* (B. Zainal Abidin Ed.). Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.

Al-Qaradawi, Y. 2007. *Al-halal wa al-haram fi islam*. Kaherah: MaktabahWahbah.

Alijah Gordon. 2001. *The propagation of islam in the indonesian-malay archipelago*. Kuala Lumpur: Malaysian Sociological ResearchInstitute (MSRI).

Andaya, B. W., & Andaya, L. Y. 2017. *A history of malaysia* (Third ed.). London: Palgrave Macmillan Education.

Anisah, A. G., & Muhammad Safiri, I. 2010. Penentuan piawaian alkohol dalam makanan yang dibenarkan dari perspektif Islam. *Jurnal Fiqh*,7, 277-299.

British Pathe. 1961. Malaysia: Naafi Opens Biggest Centre In Malacca 1961. Retrieved from <https://www.britishpathe.com/video/vlaew93m4mtq21uo5yzydmuxg2rx-malaysia-naafi-opens-biggest- cntr-in-malacca/query/naafi+malaya> Dusuki, A. (Ed.) 2012. Kamus pengetahuan islam. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Hamid Jusoh. 2007. Perkembangan Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia. *Undang- Undang Islam: Jenayah, Keterangan dan Prosedur*,13, 27-70.

- Hamka. 1982. *Tafsir al-azhar* (vol. 7-8-9). Jakarta: Pustaka Paniimas.
- Ibn Mājah, A. A. M. b. Y. a.-Q. 2008. *Sunan ibnu mājah*. Lubnan: DarulKutub Al-‘Ilmiyah.
- Ibn Manzur. (Ed.) 2003. *Lisān al-‘arab*. Kaherah: Darul Hadith. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2022. Sejarah Jakim. Retrieved from <https://www.islam.gov.my/ms/info-korporat/profil-jakim/sejarah>
- Jākl, J. 2017. *Liquor in glass vessels: a note on glassware in pre-islamic Java and on its socio-religious symbolism*. Archipel, 93(June), 15-29. Kamus Dewan. (Ed.) 2010. *Kamus dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim Ahmad. 1975. *Hikayat hang tuah (menurut naskhah dewanbahasa dan pustaka)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Liaw Yock Fang. 2016. *Undang-undang melaka dan undang-undang laut* (Z.A. Borhan Ed.). Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- M.H Ali Surjani. 1954, August. *Alkohol khamr yang diharamkan islam*. Pengasuh (Versi Melayu-Jawi), 15-18.
- Milner, A. 2011. *The malays*. Sussex, United Kingdom: Wiley-Blackwell.
- Mohammad Nidzam Abd. Kadir. 2009. *Fiqah berinteraksi dengan non-muslim*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- Muhammad ‘Ali Al-Bār. 1984. *Al-khamr baina al ṭib wa al-fiqh*. Riyadh: Al-Dār Al-Sa’udiyyah lil nasyr wa al tauzi’.
- Nik Suhaida. 2014. *Pelaksanaan kawalan penjualan arak di negeri kelantan: kajian dari aspek metode dakwah kepada orang bukan Islam*. (Master), University of Malaya, Kuala Lumpur.
- Nordin, S. 1975. *Kelas menengah pentadbir Melayu: Satu Kajian perkembangan gaya hidup*. (Doctor of Philosophy), University of Malaya, Kuala Lumpur.
- Parameswari, A. P. K. 2014. *Todi dalam kalangan masyarakat india ladang di tanah melayu, 1900-1957*. (Doktor Falsafah), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. 2019, 17 April 2019. Al-Kafi #1222: Hukum Pegawai Kerajaan Menyelia Urusan Berkaitan Arak. Retrieved from <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3318-al-kafi-1222-hukum-pegawai>

kerajaan-menyelia- urusan-berkaitan-arak

Russell Jones. 1999. *Hikayat raja pasai.* Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Penerbit Fajar Bakti.

Shanti Riskiyani, Miftahul Jannah, & Arsyad Rahman. 2015. *Aspek sosial budaya pada konsumsi minuman beralkohol (tuak) di Kabupaten Toraja Utara.* MKMI, Juni, 76-85.

Siti Hawa, H. S. 1998. *Hikayat Merong Mahawangsa.* Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Penerbit Universiti Malaya.

Syed Husin Ali. 2008. *The malays their problems and future.* Kuala Lumpur: The Other Press.

Syed Muhammad Naquib Al-Attas. 2014. *Islam and secularism.* Kuala Lumpur: IBFIM.

Wilkinson, R. J. (Ed.) 1901. *Malay-english dictionary.* Singapore: Kelly and Walsh Limited.

Winstedt, R. O. (Ed.) 1964. *Malay-english dictionary with an appendix of modern malayo - arabic spellings* (Fourth ed.). Kuala Lumpur & Singapore: Maricon & Sons (Malaysia).

Winstedt, R. O. (Ed.) .1969. *An unabridged english-malay dictionary.*

Kuala Lumpur & Singapore: Maricon & Sons (Malaysia).

Temu bual

Mohd. Kamal Hassan. 2022. Mantan Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, dalam temu bual dengan pengkaji pada 18 Januari 2022, Bangi.

Mustafa Ali. 2019. Mantan Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Malaysia 1974-1977, dan Mantan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar 1977, dalam temu bual dengan pengkaji pada 29 September 2019, Kuala Terengganu.

Nordin Selat. 2017. Mantan Senator-Ahli Dewan Negara 1987-1992, dalam temu bual dengan pengkaji pada 21 Disember 2017, Sungai Buloh.